

Azam buru pingat emas 400m Sipma

ATLET olahraga kebangsaan, Muhammad Azam Masri sedia memastikan pingat emas acara 400 meter (m) Sukan Institusi Pendidikan Malaysia (Sipma) menjadi miliknya pada edisi kali ini di Stadium Darul Makmur, Kuantan, Pahang bermula hari ini hingga Khamis.

Begitupun, Azam, 21, bakal berdepan cabaran sengit daripada dua bekas rakan sepasukan dari Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail yang mewakili Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) iaitu Badrul Hisyam Abdul Manap dan Muhammad Saiful Safwan Saifuddin.

“Mereka berdua merupakan saingan utama saya pada Sipma kali ini. Saya akan cuba sedaya upaya kerana saya kurang latihan disebabkan jadual padat sejak masuk belajar di UPM (Universiti Putra Malaysia).

“Saya tidak meletakkan sasaran spesifik, cuma mahu memperbaiki catatan terbaik dan kalau boleh nak

menang pingat emas,” katanya kepada *Kosmo!* kelmarin.

Azam tidak mencapai prestasi terbaik tahun ini sebelum dia berjaya melakukan catatan tahunan terbaik iaitu 47.20 saat (s) pada Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017) baru-baru ini.

Catatan tersebut bagaimanapun terlalu jauh jika dibandingkan dengan rekod peribadi terbaiknya iaitu, 46.90s yang dilakukan di Filipina pada April tahun lepas.

Begitupun, Azam tetap optimis dia mampu menyumbang pingat emas dalam acara kegemarannya, 400m yang akan berlangsung esok dan 4x400m (Khamis) buat Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) pada edisi Sipma kali ini.

Selepas tamat Sipma 2017, pertandingan seterusnya yang akan dihadapi Azam ialah Kejohanan Olahraga Angkatan Tentera Malaysia di Lumut, Perak dari 10 hingga 12 Oktober ini.



AZAM